

Anwar mahu rakyat terus berani, teguh bela nasib Palestin

Sokong terbuka terhadap misi GSF cerminan kekuatan solidariti negara

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu rakyat Malaysia terus menyalakan semangat keberanian dan berdiri teguh bersama Gaza bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan di bumi Palestin yang merdeka.

Perdana Menteri berkata, antara usaha Malaysia adalah dengan tampil secara terbuka menyokong misi kemanusiaan Global Sumud Flotilla (GSF) ke Gaza, tatkala kuasa besar dunia didakwa membisu dan menghukum mereka yang menentang kezaliman rejim Zionis.

"Apabila flotila diserang Israel pada 2 Oktober lalu dan menahan sukarelawan kemanusiaan, termasuk 23 anak Malaysia, kita bergerak pantas tanpa berlembang. Setiap saat dimanfaatkan untuk merangka strategi, menggerakkan saluran diplomatik dan memastikan keselamatan mereka menjadi keutamaan mutlak negara.

"Alhamdulillah rundingan tertinggi dengan Turkiye, Mesir, Jordan dan Amerika Syarikat (AS) membuahkan hasil. Semua wira kemanusiaan kita dibebaskan dengan selamat dan kembali ke tanah air pada 7 Oktober, menjadi berita gembira buat seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti perkembangan ini dengan penuh harapan.

"Keberanian mereka membelah lautan dan keteguhan jiwa mereka memperjuangkan nasib saudara kita di Palestin meskipun diperlakukan secara biadab dalam tahanan Israel menjadi cerminan kekuatan solidariti Malaysia," katanya dalam hantaran di Facebooknya, semalam.

Wakil 45 negara sertai GSF

Pelayaran GSF yang membabitkan penyertaan sukarelawan daripada 45 negara membawa makanan, ubat-ubatan dan mesej keamanan dijadualkan tiba di perairan Gaza dengan penyertaan antarabangsa dari Eropah, Asia, Afrika Selatan, Amerika Latin

"Antara usaha Malaysia adalah dengan tampil secara terbuka menyokong misi kemanusiaan Global Sumud Flotilla ke Gaza, tatkala kuasa besar dunia didakwa membisu dan menghukum mereka yang menentang kezaliman rejim Zionis"



Anwar Ibrahim
Perdana Menteri

dan Asia Barat.

Seramai 23 aktivis rakyat Malaysia yang menyertai misi GSF ditahan tentera rejim Zionis dalam konvoi itu selepas kapal mereka dipintas ketika berada di perairan Zon Merah R3 di Laut Mediterranean sebelum dibawa ke pelabuhan Ashdod, Israel.

Antara rakyat Malaysia yang ditahan ialah penyanyi Heliza Helmi dan adiknya, Nur Hazwani Afiqah, Nurfarahin Romli (Farah Lee), Danish Nazran Murad, penyanyi Zizi Kirana serta personaliti media sosial, Nurul Hidayah Mohd Amin atau lebih dikenali sebagai Ardell Aryana (kapal *Mikeno*).

Turut serta dalam misi berkenaan ialah Musa Nuwayri, Iylia Balqis, Sul Aidil, Haikal Abdullah, Muaz Zainal, Zulfadhli Khiruddin, Rusydi Ramli, Razali Awang, PU Rahmat, Norhelmi Ab

Ghani, Mohd Asmawi Mukhtar, Norazman Ishak, Zainal Rashid, Ustaz Muhammad Abdullah, Muhammad Hareez Adzrami, Muhd Haikal Luqman Zulkefli dan Taufiq Mohd Razif.

Pada Mesyuarat Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) baru-baru ini, lebih 140 negara menyokong resolusi berkaitan penyelesaian dua negara, menolak keganasan dan menyatakan sokongan jelas terhadap masa depan Palestin.

Malah, beberapa negara Barat yang sebelum ini enggan membuat langkah rasmi turut mengumumkan pengiktirafan atau tindakan diplomatik menyokong Palestin termasuk United Kingdom (UK), Kanada, Australia, Portugal dan Perancis, selain negara Eropah kecil seperti Malta, Belgium, Andorra dan Monaco.